

GAGASAN

KOPERASI

DITERBITKAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PROGRAM JEJAK:

Rangsang Koperasi
Sektor Hospitaliti,
Penjagaan Kesihatan
dan Kraf

KOPERASI AMAR AMRAN BERHAD (KAAB)

Sedia Menguasai Industri
Tekstil dan Pakaian
Melalui OEM

Selesa di Tiny House KOPERASI MUAFAKAT TANJUNG PIAI BERHAD

PKKI 2024 Mencapai Objektif Penganjuran



SE.RASI Pemangkin Keusahawanan Sosial
Sektor Koperasi Di Malaysia



DARI MEJA PENGARANG

NOR AZAM BIN MD SALLEH

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



GAGASAN
KOPERASI

Majalah Gagasan Koperasi
EDISI 2/2024

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar

KETUA EDITOR / PENGURUS JAWATANKUASA PENERBITAN

Nor Azam bin Md Salleh
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi

EDITOR

Mohd Firdaus bin Shaari
Noor Azura binti Maslan
Arif Asyraf bin Mohammed Khalim
Syamsul Safarin bin Mohd Ali
Sharifah Nurasyidah binti Syed Abdul Razak
Mohd Affandy bin Amir
Norhaslinda binti Isa

EDARAN & PENERBITAN

Bahagian Promosi dan
Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, edisi kedua majalah Gagasan bagi tahun 2024 telah berjaya diterbitkan. Terima kasih kepada semua warga kerja Suruhanjaya yang terlibat secara dekat mahupun jauh dengan usaha ini. Saya amat tertarik dengan ucapan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri semasa Program Temu Anwar sempena Karnival Gen Ai di Perai, Pulau Pinang pada 2 November 2024. Antara bait-bait ucapan yang menarik minat saya adalah seperti kesedaran majoriti (*consience of majority*), budaya takut, tingkatan maklumat yang akhirnya membentuk pengetahuan, disiplin dengan nilai yang akhirnya membentuk manusia yang mampu membezakan di antara kebaikan dan keburukan. Dari sini kita boleh mengetahui bahawa pentingnya mengharmonikan segala sumber-sumber maklumat yang kita pelajari agar ia mampu membentuk jati diri dan akhlak dalam berinteraksi dengan cabaran masa kini seperti kecanggihan teknologi kecerdasan buatan.

Daripada ucapan tersebut menjadi tugas kita untuk menyaring semua maklumat yang kita perolehi kemudian mengadunkannya dengan prinsip dan nilai koperasi agar ia menjadi pengetahuan yang bersepadu. Ini kerana bukan semua maklumat itu adalah pengetahuan. Sebagai contoh kita tahu bahawa mesyuarat agung adalah organ membuat keputusan yang tertinggi dalam sesebuah koperasi. Tanpa digabungkan dengan nilai serta prinsip koperasi, maklumat tersebut boleh disalah guna. Misalnya Anggota Lembaga Koperasi (ALK) hidup mewah dengan keputusan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung tetapi anggota hanya menikmati sebahagian kecil agihan keuntungan daripada perolehan koperasi atau anggota secara sambil lewa meluluskan cadangan-cadangan Mesyuarat Agung tanpa diperbahaskan perinciannya. Maka wujud ketempangan dalam ekonomi dan perjalanan tadbir urus koperasi. Begitu juga kefahaman kita tentang prinsip koperasi.

Ambil contoh fahaman kita tentang prinsip autonomi dan kebebasan. Oleh kerana kita faham kebebasan itu adalah bebas dari sebarang sekatan, maka kita wujudkan perundangan atau birokrasi yang menghalang koperasi untuk maju ke hadapan. Seharusnya perundangan dan birokrasi itu menyuburkan prinsip tersebut dengan meletakkan tanggungjawab penuh kepada pelakunya menerusi perundangan. Ini kerana kebebasan dan kebertanggungjawaban adalah sisi yang berbeza daripada sekeping syiling yang sama. Dengan kefahaman yang bersepadu maka ia akan membentuk kesedaran majoriti yang ampuh dalam gerakan koperasi untuk melawan nilai-nilai yang bejat seperti penyelewengan dalam amalan tadbir urus koperasi.

Sesuai dengan semangat di atas, kami berusaha untuk mempamerkan kisah-kisah kejayaan koperasi di dalam majalah ini agar ianya menjadi sumber inspirasi dan aspirasi buat para koperator di Malaysia. Bertitik tolak daripada bacaan ini diharap agar koperasi dapat menjalinkan kerjasama melalui perkongsian pengetahuan, nilai, teknologi dan lain-lain yang sesuai dengan dengan anjuran prinsip dan nilai-nilai koperasi.

Selamat membaca!



4-5 | PERUTUSAN

Prinsip Dan Nilai-Nilai
Koperasi Teras Kemakmuran
Ekonomi Global



6-11 | RENCANA UTAMA

SE.RASI: Pemangkin Keusahawanan Sosial Sektor Koperasi
di Malaysia

12-13 | FOKUS

Program Jom Jelajah Koperasi
(JEJAK): Rangsangan Baharu
Untuk Koperasi dalam
Sektor Hospitaliti, Penjagaan
Kesihatan dan Kraf



14-15 |

Kisah Kejayaan Koperasi
Guru-Guru Melayu Kerian dan
Selama Berhad

16-17 | PROAKTIF

Koperasi Amar Amran Berhad
(KAAB) Sedia Menguasai
Industri Tekstil dan Pakaian
Melalui OEM

18-19 | UCAPAN

Ucapan Tahniah Kepada
YBhg Datuk Ketua Pengerusi
Eksekutif SKM & YBhg Dato'
Timbalan Ketua Pengerusi
Eksekutif SKM



20-21 | PROAKTIF

Koperasi Pembangunan
Penduduk Agropolitan Gahai
Kuala Lipis Berhad

Kandungan

Edisi 02/2024



22-23 |

Sawit Punca Rezeki Utama
Koperasi Perladangan
Kawasan Bagan Datoh Perak
Berhad

24-25 | INSPIRASI

Ar-Rahnu Sulung Milik
Koperasi di Melaka

26-27 |

CO-DIDIK Seimbang Antara
Kebajikan dan Perniagaan



28-29 |

Tiny House Milik Koperasi
Merencanakan Pelancongan
di Tanjung Piai

30-31 | SANA SINI

PKKI 2024 Mencapai Objektif
Penganjurannya

32-34 |

Majlis Apresiasi Gerakan
Koperasi 2024 Iktiraf
Sumbangan Koperasi dalam
Pembangunan Sosioekonomi
Negara



Prinsip Dan Nilai-Nilai Koperasi Teras Kemakmuran Ekonomi Global

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Berkoperasi buat semua.

Dasawarsa ini, kegalauan geo-politik dan ekonomi telah mengganggu rantai perdagangan dunia. Keadaan ini disokong oleh pelbagai konflik yang tercetus di belahan dunia timur dan barat. Di barat, perang di antara Ukraine-Rusia masih meletus tanpa sebarang tanda pengakhiran. Di timur, perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China membawa kesan kepada rantau sekitarnya termasuklah ASEAN. Siri konflik di Palestin yang berpanjangan ini telah merebak hingga ke Lubnan.

Perniagaan koperasi pada masa kini juga menghadapi situasi yang lebih mencabar kesan daripada landskap perniagaan yang lebih dinamik antaranya adalah perniagaan tanpa sempadan selaras dengan wujudnya fenomena ekonomi digital. Situasi-situasi ini menuntut koperasi untuk bertindak lebih proaktif agar kelangsungan perniagaannya dapat dicapai.

Justeru, bertitik-tolak daripada situasi global yang memberi kesan kepada perniagaan koperasi, adalah amat penting untuk kita kembali kepada nilai-nilai koperasi seperti berdikari, kesaksamaan, kesedaran tanggungjawab diri, amanah, ketelusan, tanggungjawab sosial dan prihatin untuk dijadikan sebagai kompas moral sebagai amalan sehari-hari oleh para operator ke dalam perniagaan. Nilai-nilai koperasi merupakan satu garis ideal untuk mewujudkan koperasi berjaya yang seimbang yang berupaya mengurangkan

fasad dalam bermuamalat. Ia termasuklah dalam mengamalkan tatakelola baik dan memelihara hal-ehwal anggota serta masyarakat dengan tidak mengkhianati amanah yang diberi.

Kita juga harus menggali semula identiti koperasi melalui prinsip dan nilainya dalam mencari makna yang terpendam agar ia sentiasa menjadi titik pangsi dalam merangka dasar serta perundangan untuk menongkah arus cabaran zaman. Malah identiti ini juga seiring dengan nilai-nilai teras MADANI (kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan) sebagai dasar negara ketika ini dalam membangunkan negara secara bersepadu antara lahiriah dan rohaniah agar kita menjadi contoh kepada masyarakat antarabangsa bahawa kemajuan dan kemodenan seharusnya membugarkan ketamadunan dan kemanusiaan bukan sebaliknya.

Pada kesempatan ini juga saya memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi dan merakamkan penghargaan di atas usaha gigih mereka yang terlibat dalam penghasilan dan penerbitan Majalah Gagasan Koperasi Edisi Kedua Tahun 2024. Harapan saya kepada majalah yang sarat dengan penceritaan dasar, kejayaan dan gagasan keusahawanan koperasi yang dinukilkan oleh para pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari seluruh negara ini dapat memberi sumber inspirasi kepada para pembaca.

Sekian, terima kasih

**YBHG. LEFTENAN JENERAL
DATUK AHMAD NORIHAN
BIN JALAL (B)**

Pengerusi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

SE.RASI: Pemangkin Keusahawanan Sosial Sektor Koperasi di Malaysia

Oleh: **ARIF ASYRAF BIN MOHAMMED KHALIM**
Penolong Pengarah Kanan,
Unit Penerbitan Dan Publisiti, Bahagian Promosi Dan Penggalakan Koperasi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy2030)

Rancangan Malaysia Ke-12 telah mengetengahkan 17 anjakan besar untuk memangkin pembangunan sosioekonomi melalui pemacu utama dengan tiga fokus utama iaitu memperkukuh kemampanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Bagi mencapai negara berpendapatan tinggi terdapat tumpuan untuk memperkasa Perusahaan Kecil Mikro dan Sederhana (PKMS) dan Perusahaan Sosial (SE). Dibawah tumpuan ini Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensi di bawahnya seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) berusaha dalam memberdaya dan menggalakan usahawan-usahawan khususnya sektor koperasi untuk direformasikan dan ditarafkan sebagai sebuah perusahaan sosial melalui Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy2030).

Tujuan SEMy2030 adalah untuk menetapkan hala tuju nasional yang baharu dalam Pembangunan Keusahawanan Sosial di Malaysia. Selain itu, ia juga berhasrat untuk mengarusperdanakan gerakan perusahaan sosial sebagai penyumbang efektif kepada Pembangunan Sosioekonomi Negara. Antara objektif yang ingin dicapai oleh SEMy2030 adalah seperti berikut:

1. Membina ekosistem pembangunan keusahawanan sosial yang bersepadu dan holistik di Malaysia;
2. Mewujudkan sejumlah besar keusahawanan sosial;
3. Memperkukuh pembangunan kapasiti dan daya saing perusahaan sosial tempatan;
4. Mengarusperdana perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan negara; dan
5. Mempertingkat dan menormalisasi perusahaan sosial untuk memberi impak positif kepada pembangunan sosial dan alam sekitar.

MATLAMAT KEUSAHAWANAN SOSIAL

MATLAMAT KEUSAHAWANAN SOSIAL

- Penyertaan sosial yang inklusif
- Pendidikan untuk semua
- Kesaksamaan sosial
- Penjagaan kesihatan untuk semua
- Pemeliharaan budaya dan warisan
- Akses kepada air bersih dan sanitasi
- Melindungi mangsa keganasan
- Perumahan mampu milik
- Jaminan makanan
- Pemeliharaan alam sekitar
- Tindakan iklim

KUMPULAN SASAR ATAU PENERIMA MANFAAT

- Kanak-kanak
- Warga emas
- Orang kelainan upaya
- Gelandangan dan pengemis
- Mangsa bencana alam
- Mangsa keganasan rumah tangga
- Pesalah di bawah perintah khidmat masyarakat
- Mangsa perdagangan manusia
- Belia kurang bernasib baik
- Populasi rentan
- Masyarakat orang asli / asal
- Keluarga rentan: ibu tunggal dan bapa tunggal
- Orang yang mengalami ketagihan
- Bekas banduan
- Individu tanpa dokumen
- Golongan miskin dan miskin tegar

Nota: Senarai matlamat dan sasaran penerima manfaat ini tidak menyeluruh dan akan dikaji dari semasa ke semasa.

Untuk makluman, prinsip keusahawanan sosial telah lama wujud di tanah air melalui Enakmen Syarikat Kerjasama-sama 1992. Malah konsep keusahawanan sosial telah pun diaplikasi oleh organisasi seperti koperasi, badan amal dan kemasyarakatan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Walau bagaimanapun, usaha-usaha murni tersebut tidak dilaksanakan secara bersepadu dan tersusun yang menyebabkan manfaatnya tidak dapat diagihkan secara saksama kepada golongan yang memerlukan. Berdasarkan kajian *The State of Social Enterprise in Malaysia* oleh The British Council pada tahun 2018 merumuskan bahawa

jangkaan secara kasar sekurang-kurangnya terdapat 20,749 perusahaan sosial di Malaysia yang terdiri daripada 11,073 koperasi, 7,257 PKMS dan 2,419 NGO. Daripada jumlah ini, ia merangkumi kira-kira 2.1% daripada jumlah organisasi yang berdaftar di Malaysia (990,919 organisasi berdaftar). Antara fakta yang menarik daripada laporan kajian tersebut adalah 54% daripada jumlah anggaran kasar perusahaan sosial tersebut diterajui oleh kaum wanita. Kebanyakan perusahaan sosial menumpukan perhatian kepada aspek Pendidikan (22%), Kelestarian Alam Sekitar (16%), Makanan dan Minuman (13%) dan Warisan Seni Budaya (11%).

KRITERIA PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL

Tunas Perusahaan Sosial	Perusahaan Sosial Asas	Perusahaan Sosial Diakreditasi
• Didorong oleh matlamat sosial untuk menangani isu sosial dan/atau alam sekitar. • Mempunyai kumpulan sasaran yang jelas. • 25% ahli koperasi terdiri daripada kumpulan sasaran ATAU Koperasi membantu komuniti kumpulan sasaran. • ≥ 10% hasil pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan. • ≥ 10% keuntungan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar ATAU ≥ 10% kos operasi perniagaan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar. • Tempoh sah laku – 1 tahun dari tarikh kelulusan.	• Organisasi mestilah memenuhi deskripsi perusahaan sosial yang berkuatkuasa di Malaysia. • Berdaftar dengan undang-undang bertulis di Malaysia. • Sekurang-kurangnya telah beroperasi selama 6 bulan. • Didorong oleh matlamat sosial untuk menangani isu sosial dan/atau alam sekitar. • Mempunyai kumpulan sasaran yang jelas. • ≥ 51% ahli koperasi terdiri daripada kumpulan sasaran ATAU Koperasi membantu komuniti kumpulan sasaran. • ≥ 25% hasil pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan. • ≥ 30% keuntungan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar ATAU ≥ 30% kos operasi perniagaan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar. • Tempoh sah laku – 3 tahun dari tarikh kelulusan dan/atau bergantung kepada status pendaftaran organisasi bersama pihak berwajib.	• Organisasi mestilah memenuhi deskripsi perusahaan sosial yang berkuatkuasa di Malaysia. berdaftar dengan undang-undang bertulis di Malaysia. • Sekurang-kurangnya telah beroperasi selama 2 tahun. • Didorong oleh matlamat sosial untuk menangani isu sosial dan/atau alam sekitar. • Mempunyai kumpulan sasaran yang jelas. • ≥ 75% ahli koperasi terdiri daripada kumpulan sasaran ATAU Koperasi membantu komuniti kumpulan sasaran. • ≥ 51% hasil pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan. • ≥ 51% daripada keuntungan disalurkan kepada misi sosial dan/atau alam sekitar. • Mempunyai laporan pengukuran impak sosial dan/atau alam sekitar yang jelas. • Tempoh sah laku – 5 tahun dari tarikh kelulusan dan/atau bergantung kepada status pendaftaran organisasi bersama pihak berwajib.

SKM KOMITED DENGAN SEMy2030

SKM telah menerima peruntukan bagi membiayai pelaksanaan Program Penggalakan Koperasi sebagai perusahaan sosial (SE.RASI) yang dibiayai melalui peruntukan pembangunan di bawah *Rolling Plan 4* (RP4), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan peruntukan berjumlah RM3 juta.

Antara objektif program adalah meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman koperasi mengenai kepentingan dan kelebihan penarafan perusahaan sosial di Malaysia.

Di samping itu, program tersebut adalah untuk meningkatkan sumbangan keuntungan koperasi untuk disalurkan kepada penerima manfaat bagi mencapai misi sosial dan/atau alam sekitar.

Program ini mensasarkan sekurang-kurangnya 100 koperasi yang terdiri daripada koperasi berkluster mikro, kecil, sederhana dan besar yang terdiri daripada pelbagai golongan kumpulan sasar atau penerima manfaat.

Matlamat akhir program ini

adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 koperasi akan mendapat penarafan sebagai Tunas Perusahaan Sosial (Aspiring-SE), Perusahaan Sosial Asas (Basic SE-SE.B) dan Perusahaan Sosial Diakreditasi (Accredited SE-SE.Ac).

Tambahan daripada itu, SKM mensasarkan sekurang-kurangnya RM1 juta sumbangan atau penyaluran keuntungan koperasi kepada penerima manfaat bagi mencapai misi sosial atau alam sekitar.

INFO PANTAS

SKOP/KOMPONEN PROGRAM SE.RASI

DIJALANKAN SERENTAK

LATIHAN (SE.TRAIN)

Program intensif penerapan elemen keusahawanan sosial dalam koperasi bagi mematuhi kriteria penarafan perusahaan sosial.

COACHING (SE.COACH)

Pemeriksaan model perniagaan koperasi melalui pemindahan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran *established industry player* (pemain industri dan SE berpengalaman) untuk memantapkan perniagaan koperasi.

BANTUAN PERNIAGAAN (SE.BIZ)

Bantuan perniagaan bagi melonjakkan pendapatan koperasi.

Koperasi akan terlibat dalam SE.TRAIN & SE.COACH dengan kerjasama INSKEN sebagai agensi pelaksana dengan kos sebanyak RM1 juta.

TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM: 1 TAHUN (JANUARI – DISEMBER 2024)

KOMPONEN PROGRAM SE.RASI

Terdapat 3 sub-program yang terkandung di dalam program SE.RASI iaitu SE.TRAIN, SE.COACH dan SE.BIZ.

1. Program SE.TRAIN

Sub-Program SE.TRAIN (latihan) yang berlangsung selama 2 hari 1 malam mengikut zon di seluruh negara ini merupakan program intensif penerapan elemen keusahawanan sosial dalam koperasi bagi mematuhi kriteria penarafan perusahaan sosial (disaring oleh pegawai SKM). Ianya khusus bagi koperasi yang telah mematuhi kriteria penarafan tetapi belum lagi dicalonkan sebagai calon perusahaan sosial.

INFO PANTAS

BUTIRAN SKOP/KOMPONEN SE.TRAIN & SE.COACH

LATIHAN (SE.TRAIN)

KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN SOSIAL (KAKSe)

CATATAN:

- Peserta: Koperasi yang memenuhi kriteria
- Sasaran: sehingga 150 Koperasi dan pegawai SKM (10 siri)
- Tempoh kelas: 2 hari 1 malam
- Kaedah pelaksanaan: Fizikal mengikut negeri/zon yang telah ditetapkan
- Tempoh program: 4 bulan (Mac - Jun 2024)

DIJALANKAN SERENTAK

COACHING (SE.COACH)

INSKEN BUMIPUTERA BUSINESS COACHING (IBBC)

CATATAN:

- Peserta: Koperasi yang memenuhi kriteria
- Sasaran: 40 Koperasi
- Tempoh kelas: 4 Bulan Program
- Kaedah pelaksanaan: Fizikal
- Tempoh program: 4 - 5 bulan (Mac - Julai 2024)

HASIL PROGRAM

SASARAN:

- Sebanyak 50 koperasi mendapat status Aspiring SE / Perusahaan Sosial Asas (SE.B)

SASARAN:

- Sebanyak 20 koperasi mendapat status Perusahaan Sosial Akreditasi (SE.AC)

2. Program SE.COACH

Sub-program SE.COACH (coaching) yang dilaksanakan selama 4 bulan merupakan sebuah program pemeriksaan model perniagaan koperasi melalui pemindahan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran *established industry player* (pemain industri dan SE berpengalaman) untuk memantapkan perniagaan koperasi. Dalam bahasa

mudah ianya khusus untuk koperasi yang telah mematuhi kriteria penarafan (disaring oleh pegawai INSKEN) dan telah dicalonkan daripada sub-program SE.TRAIN sebagai perusahaan sosial. Kedua-dua program ini dilaksanakan secara serentak sepanjang tempoh bulan Mac hingga Julai tahun 2024. Sejumlah RM1 juta peruntukan telah disalurkan bagi pelaksanaan program ini dengan

kerjasama INSKEN sebagai agensi pelaksana. Proses penarafan akan berlaku sepanjang tempoh pelaksanaan sub-program SE.COACH. Para pegawai INSKEN akan melawat koperasi yang telah disaring berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan peserta akan ditarafkan mengikut kelayakan masing-masing.

INFO PANTAS

BUTIRAN SKOP/KOMPONEN BANTUAN PERNIAGAAN (SE.BIZ)

SEHINGGA RM100,000.00

BANTUAN PERNIAGAAN

Geran bantuan akan diluluskan dan dibayar kepada koperasi yang mematuhi kriteria dan syarat bantuan (khususnya koperasi yang disyorkan oleh *coach*)

KUMPULAN SASARAN

Terdiri daripada 20 koperasi yang mengemukakan permohonan sebagai SE.Ac

SASARAN OUTPUT

Sekurang-kurangnya 20 koperasi yang memohon, diluluskan SE.Ac dan mendapat Bantuan Perniagaan

Skop bantuan meliputi:

- Naik taraf/ubah suai infrastruktur perniagaan koperasi
- Pembelian kelengkapan/peralatan perniagaan
- Pemasangan *hardware/software*
- Adaptasi teknologi/digitalisasi
- Tempoh pelaksanaan: Julai – November 2024

3. Program SE.BIZ

Hanya koperasi yang ditarafkan sebagai SE.AC sahaja akan layak menyertai sub-program SE.BIZ. Di mana koperasi tersebut layak untuk menerima sejumlah RM100 ribu geran bantuan bagi kerja-kerja ubah suai atau menaik taraf infrastruktur perniagaan

koperasi, pembelian kelengkapan atau peralatan perniagaan, pemasangan *hardware* atau *software* dan adaptasi teknologi atau digitalisasi. SKM mensasarkan 20 koperasi yang akan menerima geran bantuan ini setelah disyorkan oleh jurulatih program

tersebut. Tempoh pelaksanaan program ini adalah pada bulan Julai sehingga November tahun 2024. Sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan sub-program ini.



INFO PANTAS

MANFAAT PENARAFAN

1

TUNAS PERUSAHAAN SOSIAL (ASPIRING SE)

- Penyertaan latihan dan bimbingan Kementerian serta agensi untuk mendapatkan penarafan SE.B dan SE.Ac
- Akses kepada pembiayaan oleh agensi tertentu

PERUSAHAAN SOSIAL ASAS (BASIC SE – SE.B)

2

Penyertaan latihan dan bimbingan Kementerian serta agensi

- Akses kepada pembiayaan oleh agensi di bawah Kementerian dan agensi tertentu
- Akses kepada akses pasaran

3

PERUSAHAAN SOSIAL DIAKREDITASI (ACCREDITED SE – SE.AC)

- Layak memohon pengecualian cukai pendapatan
- Keutamaan dalam mendapatkan pembiayaan
- Keutamaan dalam mengikuti program pembangunan
- Keutamaan dalam mengikuti program akses pasaran

INFO PANTAS

INSENTIF & PROGRAM SE 2023



Pengecualian Cukai Pendapatan bagi Perusahaan Sosial yang Diluluskan Akreditasi
Insentif diberikan kepada perusahaan sosial yang diluluskan akreditasi sehingga Disember 2023



MyCIF
Melabur bersama perusahaan sosial bersama pelabur swasta melalui platform *Peer-to-peer Financing* (P2P)



Hasanah Grant 2023
Menyediakan sokongan kewangan untuk perniagaan peringkat awal di Malaysia yang bercita-cita untuk mengembangkan perniagaan mereka untuk mencapai objektif sosial dan/atau alam sekitar



Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial oleh SME Bank
Merupakan satu kemudahan pembiayaan modal kerja dan pembelian aset khusus untuk perusahaan sosial



Recovery Initiatives for Social Enterprise (RISE) oleh KUSKOP
Merupakan program untuk mempertingkatkan adaptasi teknologi, digitalisasi dan automasi dalam kalangan perusahaan sosial



Skim Juara Lestari oleh SME Bank
Merupakan satu program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan bilangan perusahaan sosial (SE) yang berdaftar sebagai SE Basic atau SE Accredited



SERY KBS
Program ini khusus untuk membangunkan potensi belia dalam bidang keusahawanan sosial dalam usaha mengupayakan belia agar dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan komuniti luar bandar.



Program Kesedaran Keusahawanan Sosial oleh SKM
Merupakan satu program untuk meningkatkan bilangan koperasi yang mendapat SE Asas.



Kursus Keusahawanan Sosial Koperasi (COOP SE) oleh IKMa
Merupakan kursus yang memberi pendedahan kepada koperasi tentang konsep dan model keusahawanan sosial.



Program Pemerkaasan Koperasi Sebagai Perusahaan Sosial oleh KUSKOP
Program ini memberi pendedahan mengenai konsep keusahawanan sosial dalam gerakan koperasi.



©IFAD Francesco Cabras

STATUS PELAKSANAAN SE.RASI

Seramai 254 orang koperator dan 134 koperasi telah terlibat dengan program ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak 92 koperasi telah membuat permohonan Aspiring SE (52 koperasi) dan SE.B (40 koperasi). Antara alasan mengenai penolakan permohonan penarafan koperasi sebagai perusahaan sosial adalah kerana keanggotaan sesebuah koperasi tersebut bukanlah daripada golongan kumpulan sasar penerima manfaat. Misalnya keanggotaan koperasi adalah daripada kalangan penjawat awam dan pekerja profesional. Selain itu, penolakan disebabkan oleh aktiviti kebijakan bersifat tanggungjawab sosial korporat dan tidak berkait dengan aktiviti perusahaan sosial. Hanya sebanyak 55 koperasi sahaja yang terpilih untuk dicadangkan sebagai SE.Ac. 40 koperasi daripada jumlah tersebut

dipilih daripada koperasi yang telah ditarafkan sebagai SE.B. Manakala 15 koperasi dipilih daripada sub-program SE.TRAIN. Daripada jumlah tersebut koperasi akan melalui pelbagai proses saringan seperti lawatan ke premis dan diagnostik serta bimbingan daripada para pegawai INSKEN sebelum disenarai pendek untuk ditarafkan sebagai koperasi SE.Ac. Setelah melalui proses-proses saringan tersebut, hanya 27 koperasi sahaja yang layak serta memenuhi kriteria untuk ditarafkan sebagai koperasi SE.Ac. Sepanjang pelaksanaan program SE.RASI pada tahun 2024 sebanyak 52 koperasi dan 39 koperasi telah berjaya ditarafkan sebagai *Aspiring SE* dan SE.B. Manakala bagi penarafan SE.Ac pula, sebanyak 21 koperasi telah membuat permohonan penarafan kepada INSKEN daripada jumlah keseluruhan 27 koperasi.

KESIMPULAN

Setiap peringkat penarafan perusahaan sosial mempunyai kelebihan masing-masing. Oleh itu, koperasi harus berusaha untuk memenuhi kriteria-kriteria tersebut bagi membuktikan bahawa koperasi adalah merupakan sebuah sarana yang efektif bagi pembangunan sosioekonomi negara. Program SE.RASI ini adalah merupakan sebuah kesinambungan yang menyokong usaha terjemahan prinsip-prinsip dan nilai-nilai koperasi ke dalam tindakan. Penarafan perusahaan sosial bukan hanya memberi pengiktirafan kepada koperasi yang memenuhi kriteria tertentu, tetapi juga membuka peluang untuk mereka berkembang melalui akses kepada bantuan kewangan dan sumber daya yang diperlukan untuk meningkatkan daya saing dan kapasiti

perniagaan. Ini tidak hanya memberi manfaat kepada koperasi, tetapi juga kepada golongan sasar yang mendapat manfaat daripada misi sosial dan persekitaran yang lebih lestari. Walaupun masih terdapat cabaran dalam memastikan perusahaan sosial berfungsi secara optimum, seperti penolakan permohonan penarafan atau ketidaksesuaian aktiviti koperasi dengan prinsip keusahawanan sosial, namun usaha yang dijalankan melalui program SE.RASI memberikan asas yang kukuh untuk mengatasi cabaran tersebut. Dengan sokongan berterusan daripada KUSKOP serta agensi-agensi di bawahnya, koperasi di Malaysia akan dapat mencapai tahap yang lebih tinggi dalam memperkasa ekonomi sosial dan memberikan sumbangan yang lebih besar kepada pembangunan sosioekonomi negara.



Zariu dari Kg. Orang Asli Ulu Gumum menghantar sayur ke Kuantan.
©IFAD Francesco Cabras



Program Jom Jelajah Koperasi (JEJAK): Rangsangan Baharu Untuk Koperasi dalam Sektor Hospitaliti, Penjagaan Kesihatan dan Kraf

INFO PANTAS

OBJEKTIF UTAMA PELAKSANAAN PROGRAM JEJAK

- Mempromosi dan memasarkan produk/perkhidmatan koperasi yang terlibat dalam industri hospitaliti, penjagaan kesihatan dan kraf bagi meningkatkan imej dan visibiliti gerakan koperasi; dan
- Merangsang dan meningkatkan penglibatan koperasi dalam industri hospitaliti, penjagaan kesihatan dan kraf bagi meningkatkan pendapatan koperasi yang masih terkesan akibat daripada penularan pandemik Covid-19 yang lalu.

Oleh: **MOHAMAD SAFUAN BIN ROSLEE**
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Promosi dan Penggalak Koperasi (BPPK)

Program Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) merupakan sebuah program rangsangan perniagaan koperasi yang terlibat dalam industri hospitaliti, penjagaan kesihatan dan kraf. Ia juga terbuka kepada subsidiari koperasi (milik penuh 100%) yang menjalankan aktiviti berkaitan seperti agensi pelancongan layak dipertimbangkan untuk menyertai program ini. Program JEJAK yang dijadualkan berlangsung selama setahun (Mei 2024 hingga Mei 2025) ini telah disempurnakan peluncurannya oleh Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada 16 Mei 2024 di Homestay Banghunis, Sg Pelek, Selangor milik Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah memperuntukan insentif sebanyak RM2 juta dan mensasarkan penyertaan sebanyak 160 koperasi dalam sektor hospitaliti, penjagaan kesihatan dan kraf dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut

INFO PANTAS

PROGRAM JEJAK 2024-2025
Fasiliti Perniagaan Koperasi di bawah Program JEJAK

- Terengganu**
 - Hotel Singgah, Terengganu
- Melaka**
 - Pusat Penginapan Ar Raudhah
 - Hotel Kobemas
- Negeri Sembilan**
 - Homestay Lonek
 - Homestay D'Pelandok Best
- Selangor**
 - Hotel Place2Stay @ The Mines
 - Hotel Sun Inns, Kelana Jaya
- Pahang**
 - Co-Didik Hotel
 - KOSMA Business Hotel
 - Hotel ESPIKAY
- Johor**
 - Hotel Desaru Penawar
 - Azizah Beauty Spa
 - Desaru Penawar Inn
 - Hotel Singgah, Johor
- Kedah**
 - Bot Pelancongan di Kilim Geoforest Park
 - Hotel D'Blue Langkawi
 - Produk Kraftangan - Kiosk Peniagaan Pekan Rabu
 - Chalet - D'Dusun Koop

SENARAI FOKUS INDUSTRI DAN SUB-AKTIVITI KOPERASI YANG LAYAK MEMOHON INSENTIF BANTUAN JEJAK

- Hospitaliti**
 - Perhotelan / penginapan
 - Inap desa / homestay
 - Pusat peranginan
 - Agensi pelancongan
 - Pengangkutan darat
 - Pengangkutan air
 - Aktiviti rekreasi
 - Taman hiburan
 - Wedding village
- Penjagaan Kesihatan**
 - Pusat kecantikan / spa
 - Salon / pusat dandan rambut
 - Pusat rawatan herba
 - Pusat urutan badan
- Kraf**
 - Batik
 - Kraftangan
 - Eco dyes

setiap koperasi yang diluluskan layak menerima sehingga RM12,500 bagi perbelanjaan untuk 2 skop aktiviti iaitu aktiviti pemasaran dan aktiviti pempromosian. Koperasi penerima insentif bantuan JEJAK ini hanya dibenarkan untuk membelanjakan maksima RM10,000 bagi penyediaan kupon, baucar, rebat, pakej ke atas produk dan perkhidmatan koperasi serta lain-lain perbelanjaan yang melibatkan aktiviti pemasaran. Bagi perbelanjaan aktiviti pempromosian seperti perbelanjaan ke atas pengiklanan, cetakan, fi perbelanjaan pengiklanan di media sosial dan lain-lain perbelanjaan pelan pempromosian hanya dihadkan sehingga RM2,500 daripada jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima.

Insentif JEJAK ini dijangka dapat menyokong penglibatan koperasi dalam industri pelancongan domestik sebagai persediaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 yang telah pun diumumkan oleh kerajaan di

INFO PANTAS

OUTCOME PROGRAM JEJAK

- Meningkatkan imej gerakan koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan sosioekonomi negara.
- Meningkatkan potensi koperasi daripada aktiviti promosi dan pemasaran yang dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelancong/pengguna.
- Mempertingkatkan kestabilan koperasi dalam industri pelancongan domestik sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.
- Memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat mengenai keistimewaan dan kepentingan berkoperasi.



dalam Belanjawan 2024 dengan sasaran pelancong seramai 26.1 juta orang. Usaha ini juga sedikit sebanyak membolehkan koperasi yang bergiat dalam industri hospitaliti, penjagaan kesihatan dan kraf meneruskan kelangsungan perniagaan mereka serta dapat mengekalkan tenaga kerja di sektor masing-masing. Program ini secara tidak langsung memberi manfaat kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan koperasi dalam sektor yang berkaitan pada harga yang kompetitif.

Melalui peruntukan tersebut, koperasi berpeluang untuk meningkatkan daya saing serta menarik lebih ramai pelanggan di samping membuka mata masyarakat mengenai keistimewaan dan kepentingan berkoperasi. Diharapkan program ini dapat menghidupkan minat masyarakat untuk melanggan dan menggunakan produk dan perkhidmatan koperasi serta membuka peluang baharu dalam perniagaan koperasi di seluruh negara.



Barisan kepimpinan koperasi pada sesi Mesyuarat Agung Tahunan yang telah diadakan pada 30 Jun 2023.

Kisah Kejayaan Koperasi Guru-Guru Melayu Kerian dan Selama Berhad

Oleh: **SUHANA BINTI YUSUF**
Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi,
SKM Wilayah Kerian, Perak

Didaftarkan pada 23 Mac 1924, koperasi yang pernah dikenali sebagai Syarikat Kerjasama Guru-Guru Melayu Krian dan Selama Berhad telah mencecah usia 100 tahun merupakan salah satu koperasi di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Perak. Terletak di lokasi paling utara di Negeri Perak, koperasi memiliki sejumlah anggota seramai 1576 orang yang terdiri dalam kalangan warga Institusi Pendidikan disekitar Daerah Kerian dan Selama, Perak. Kini, koperasi diuruskan anggota Lembaga seramai sembilan orang dan lima orang pekerja bagi membantu perniagaan koperasi.



Pejabat Koperasi Guru Melayu Kerian dan Selama Berhad terletak di Taman Wawasan Jaya, Parit Buntar, Perak.



Koperasi turut menceburi aktiviti perladangan melalui pemilikan dan pengurusan ladang kelapa sawit.

KEJAYAAN KOPERASI MASIH KEKAL AKTIF

Pembiayaan Kredit

Aktiviti utama koperasi adalah pembiayaan kredit. Koperasi menawarkan empat jenis produk pembiayaan kepada anggota. Setiap produk pembiayaan dikenakan keuntungan pada kadar tetap.

Antara produk yang ditawarkan adalah Pembiayaan Peribadi sehingga RM50 ribu, Pembiayaan Kecemasan sehingga RM5 ribu, Pembiayaan Barang Pengguna sehingga RM5 ribu dan Pembiayaan Pembelajaran sehingga RM6 ribu dengan kadar keuntungan dikenakan sebanyak 4%.

Bagi anggota yang telah berpencen, mereka turut ditawarkan produk pembiayaan berdasarkan jumlah yuran anggota itu sendiri. Had pembiayaan yang dibenarkan adalah sehingga 90% daripada jumlah yuran anggota individu yang berpencen. Manakala, kadar keuntungan yang dikenakan adalah tetap pada 4%.

Perladangan Kelapa Sawit

Selain itu, Koperasi turut menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit sejak tahun 2008 dengan keluasan tanah pertanian 46.37 hektar di sekitar Selama, Perak. Aset tanah pertanian ini merupakan milik koperasi yang dibeli dengan menggunakan wang simpanan koperasi tanpa pembiayaan dari mana-mana bank atau institusi kewangan yang lain. Kini, sebahagian tanah pertanian sedang dalam proses penanaman semula.

Sewaan Bangunan

Koperasi turut memiliki aset bangunan sebanyak enam (6) unit. Pembelian aset ini juga sepenuhnya menggunakan wang koperasi. Kesemua aset bangunan koperasi ini telah diduduki penyewa. Di mana bangunan-bangunan koperasi ini terletak di sekitar kawasan Parit Buntar sebanyak lima (5) unit, dan satu (1) unit di Pulau Pinang.



KEBAJIKAN ANGGOTA DIBERI KEUTAMAAN

- Khairat kematian :
 - Kaharat kematian RM8,000.00 kepada waris anggota;
 - Suami/isteri sebanyak RM2,500.00.
 - Kematian bapa/ibu/anak - RM350.00.
- Sumbangan anak anggota yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan

Sumbangan lain-lain

- Sumbangan yuran sekolah kepada pelajar fakir miskin;
- Sumbangan kepada tabung bencana alam;
- Sumbangan pembinaan surau dan masjid;
- Sumbangan kepada anak-anak yatim

Pengiktirafan

- Anugerah 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2020. Koperasi telah diletakkan di kedudukan ke-91 daripada 100 koperasi-koperasi terbaik di Malaysia;
- Menerima Anugerah Koperasi Terbaik Peringkat Negeri Perak di kedudukan ke-9 pada tahun 2020;
- Anugerah Sempena Sambutan Jubli Emas ANGKASA Negeri Perak Tahun 2021 di kedudukan ke 91;
- Diberi kepercayaan untuk menguruskan Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Daerah Kerian Tahun 2022;
- Menerima Anugerah 350 Koperasi Terbaik bagi tahun 2021 dan tahun 2022



Koperasi turut menerima pengiktirafan khususnya disenaraikan di kedudukan ke-91 Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2020



Koperasi Amar Amran Berhad (KAAB) Sedia Menguasai Industri Tekstil Dan Pakaian Melalui OEM



Fasiliti yang lengkap dengan rangkaian penghantaran yang menyakinkan.

Oleh: **HASRUL ADZUAN BIN HASSIN**
Pegawai Ehwal Ekonomi
SKM Cawangan Negeri Kelantan



Pengerusi (enam dari kiri) bergambar bersama barisan kepimpinan koperasi.

Koperasi Amar Amran Berhad (KAAB) didaftarkan pada 19 September 2019 dengan menjalankan aktiviti pengeluaran pakaian secara OEM (*Original Equipment Manufacturer*) di bawah jenama KAAB Garment berkonsepkan B2B (*Business to Business*) yang hanya menawarkan perkhidmatan pembuatan dan pengeluaran pakaian secara pukal. KAAB juga menjadi pembekal utama bahan tekstil kepada pemain-pemain industri pakaian seperti kain baju, benang, aksesori pakaian seperti zip dan lain-lain. Antara produk utama yang dihasilkan oleh KAAB Garment ialah baju melayu, kurta, jubah dan baju kurung.



KAAB memiliki pekerja yang cekap dan mahir dalam mengendalikan mesin-mesin yang berteknologi tinggi.



Gudang penyimpanan stok tekstil yang luas.

KAAB memilih industri pakaian sebagai pentas untuk memulakan aktiviti perniagaan adalah kerana latar belakang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota koperasi yang mempunyai kemahiran dan kepakaran khusus dalam bidang pembuatan pakaian dan tekstil. Selain itu, industri fesyen dan tekstil telah dikenalpasti mempunyai prospek dan potensi yang besar untuk berkembang di Malaysia kerana buat masa ini tidak banyak kilang tempatan yang menawarkan perkhidmatan pembuatan busana melayu dalam skala yang besar dan bersistematik. Peluang ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh KAAB disamping menyediakan perkhidmatan pembuatan pakaian kasual, uniform korporat, baju *sublimation*, tudung serta pembekalan fabrik.

Aktiviti perniagaan KAAB telah berkembang dengan baik. Sehingga kini, KAAB telah mempunyai hampir 200 orang pekerja yang berkemahiran tinggi dalam bidang jahitan dan fesyen ketimbang 19 orang pekerja semasa awal penubuhannya. Sehubungan itu, Koperasi berhasrat untuk meningkatkan kapasiti

pengeluarannya melalui beberapa langkah iaitu:

- Pembelian kilang baru dengan ruang yang lebih besar serta mampu menampung kapasiti sehingga 1,000 orang pekerja; dan
- Pembelian mesin-mesin yang berteknologi tinggi yang berupaya meningkatkan kecekapan pengeluaran.

Usaha tersebut sangat berkait dengan cabaran yang dihadapi oleh koperasi pada masa kini. Kilang pengeluaran KAAB Garment yang terletak di Lot 1-1 KIM Fasa, Kawasan Industri MARA Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan hanya berkeluasan 20,000 kaki persegi telah menjadi kekangan utama kepada pihak koperasi dalam memenuhi permintaan pelanggan.

Justeru koperasi sedang giat berusaha untuk mendapatkan kilang baharu dengan ruang yang lebih besar. Bagi mengembangkan lagi perniagaannya, pihak Koperasi sedia menerima permintaan dari seluruh negara. Kebolehan

koperasi ini telah terbukti kerana koperasi mendapat permintaan yang menggalakkan dari negara luar seperti Brunei, Indonesia, Singapura, dan Thailand.

Antara pelanggan utama koperasi adalah pengusaha butik, usahawan fesyen, pemborong pakaian, penender perbekalan Kerajaan dan lain-lain. KAAB juga telah menandatangani kontrak pengeluaran dengan beberapa jenama terkemuka yang turut menjalankan OEM secara konsisten.

Sebagai sebuah koperasi yang mendukung penuh prinsip dan falsafah koperasi adalah menjadi harapan untuk melihat lebih banyak koperasi-koperasi terlibat dalam industri tekstil. Semoga suatu masa nanti sektor koperasi dapat mendominasi industri fesyen dan tekstil di Malaysia sekaligus meletakkan gerakan koperasi sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Malaysia. KAAB sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan gerakan koperasi dan pihak lain untuk membangunkan industri tekstil di Malaysia.



Tahniah

kepada

YBHG. DATUK RUSLI BIN JAAFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

atas Pengurniaan Darjah Kebesaran

PANGLIMA GEMILANG DARJAH KINABALU (P.G.D.K)

yang membawa gelaran **DATUK**

sempena

**SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN RASMI YANG KE-71
YANG DIPERTUA NEGERI SABAH**

ikhlas daripada

Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga Kerja
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Tahniah

kepada

YBHG. DATO' AMRAN BIN HAJI ABD KADIR
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

atas pengurniaan

AHLI YANG KEDUA (DATO' PADUKA)
BAGI DARJAH KEBESARAN SETIA MAHKOTA KELANTAN
YANG AMAT TERBILANG (D.P.S.K.)

yang membawa gelaran **DATO'**

sempena

ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
YANG KE-55, TAHUN 2024

ikhlas daripada

Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga Kerja
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Koperasi Pembangunan Penduduk Agropolitan Gahai Kuala Lipis Berhad

Oleh: **MOHD SHUKEMEI BIN AHMAD**
Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Kanan
SKM Cawangan Negeri Pahang

SEJARAH PENUBUHAN KOPERASI

Kampung Tanjung Gahai merupakan kampung yang terletak di tepi Sungai Jelai di pedalaman Daerah Kuala Lipis.

Koperasi Pembangunan Penduduk Agropolitan Gahai Kuala Lipis Berhad ditubuhkan pada 09 September 2011 iaitu dengan keanggotaan adalah dari peserta projek Agropolitan Gahai berjumlah 80 orang. Tujuan penubuhan koperasi ini adalah untuk meningkatkan pendapatan peserta Agropolitan Gahai dengan membantu dan menyelaras pengeluaran hasil pertanian dengan lebih cekap dan berkesan untuk anggota dan masyarakat setempat.

Latar Belakang

Koperasi menjalankan aktiviti kedai runcit, ternakan burung walit dan projek-projek berkaitan kontrak angkut getah di ladang getah milik peserta sejak ditubuhkan. Setiap tahun peningkatan pendapatan koperasi dilihat sangat memberangsangkan dan dapat meningkatkan pendapatan kepada semua anggota dan peserta.



PEMBANGUNAN KOPERASI SEHINGGA TAHUN 2023

Pembangunan aktiviti koperasi mempunyai fasa-fasa yang berperingkat dan dirancang mengikut keperluan anggota. Kepelbagaian aktiviti koperasi ini memberi manfaat secara langsung (pendapatan peserta/dividen dan tabung-tabung kebajikan) dan secara tidak langsung (peluang pekerjaan, keperluan/kemudahan harian).

Pengurusan Ladang Getah

Koperasi di dalam usaha untuk mengambil alih pengurusan ladang getah yang diusahakan oleh Risa Plantation Sdn. Bhd. (RPSB) seluas lebih kurang 600 ekar yang terletak di Kampung Tanjung Gahai, Kuala Lipis, Pahang. Koperasi berperanan untuk memastikan hasil dari ladang getah diperolehi secara optimum serta memastikan tanah yang terbiar dapat diusahakan, seterusnya dapat meningkatkan pendapatan peserta yang juga merupakan anggota koperasi.



Rumah Burung Walit

Aktiviti ternakan burung walit mampu menjana pulangan yang memberangsangkan kepada koperasi. Berdasarkan maklumat dari pihak koperasi, sarang burung milik koperasi telah digredkan dengan gred yang tinggi iaitu gred A dengan harga RM3,000 per kilogram. Pada tahun 2021 koperasi telah diluluskan Geran Bantuan Pembangunan oleh pihak SKM berjumlah RM100 ribu untuk membesarkan rumah burung walit milik koperasi.

Kedai Runcit Koperasi

Kedai runcit koperasi telah mencatatkan pendapatan purata RM1 juta setahun. Peranan dan keperluan kedai runcit koperasi dilihat sangat signifikan di kawasan ini, memandangkan tiada kedai runcit yang boleh memberikan perkhidmatan kepada peserta dan penduduk di kampung ini. Perkhidmatan kedai runcit koperasi dapat memberikan kemudahan untuk memenuhi keperluan asas kepada penduduk setempat. Koperasi juga telah diluluskan pinjaman TMP-SKM berjumlah RM100 ribu oleh SKM sebagai modal pusingan peruncitan.



SUMBANGAN KOPERASI KEPADA ANGGOTA

- Sumbangan kepada pelajar cemerlang terdiri daripada anak-anak anggota setiap tahun.
- Tabung kebajikan RM50 kepada anggota yang dimasukkan ke Hospital sebanyak 2 kali setahun.
- Khairat kematian RM500 kepada waris anggota.
- Membiayai pengurusan pengebumian jenazah anggota sebanyak RM500 yang dikebumikan di kawasan operasi.
- Peluang pekerjaan kepada anggota, anak-anak anggota dan penduduk tempatan.
- Sumbangan Kecemasan kepada anggota dan pekerja koperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan.
- Sumbangan wang dan barang keperluan asas kepada anggota yang mengalami malapetaka seperti kebakaran rumah dan bencana alam.



Sebahagian daripada penggerak koperasi.



Pejabat koperasi yang terletak di Taman Ros, Teluk Intan, Perak.



Barisan kepimpinan koperasi hadir menerima penganugerahan koperasi yang berada di kedudukan ke-68 Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2022.

90% daripada pendapatan koperasi adalah disumbangkan oleh aktiviti perladangan sekitar 2,500 ekar.

Sawit Punca Utama Rezeki Koperasi Perlindungan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad

Oleh: **NURUL HAZWANI BT HAMZAH**
Penolong Pengarah Kanan
SKM Cawangan Negeri Perak

Koperasi Perlindungan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad (KPK) pada awal penubuhannya dikenali dengan nama Koperasi Serbaguna Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad telah didaftarkan pada 14 Mei 1973 dengan kekuatan anggota seramai 271 orang.

KPK merupakan sebuah koperasi yang menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit sebagai aktiviti utamanya. KPK memiliki hampir 2,500 ekar ladang kelapa sawit yang menyumbang kepada lebih 90 peratus daripada keseluruhan pendapatan koperasi. Kini, koperasi telah memperluaskan aktiviti perniagaannya dengan menceburi bidang pertanian yang memberi fokus kepada tanaman kelapa matag, kelapa pandan dan tanaman durian.

Pengurusan koperasi terdiri daripada 12 orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan 3 orang Jawatankuasa Audit Dalam (JAD). Pengurusan yang cekap dan sistematik dalam mengoptimalkan pendapatan dan meminimumkan perbelanjaan yang diamalkan oleh koperasi membolehkan koperasi memperolehi keuntungan yang tinggi setiap tahun. Keuntungan ini diagihkan semula kepada anggota dengan pemberian dividen dan mewujudkan tabung-tabung kebajikan kepada anggota koperasi. Pada tahun kewangan 2022, koperasi telah membayar dividen sebanyak 30% kepada anggota-anggotanya. Prestasi kewangan yang baik ini telah melayakkan koperasi tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik di Malaysia pada tahun 2023 di kedudukan ke-57.

Dengan matlamat 'tiada golongan yang tertinggal dan

dipinggirkan', koperasi sentiasa peka dan prihatin kepada semua anggota-anggotanya. Tabung-tabung kebajikan untuk meringankan beban sara hidup telah diwujudkan dan peruntukan ditambah setiap tahun bagi memastikan kebajikan anggota-anggota koperasi sentiasa terpelihara. Di antara tabung yang diwujudkan adalah khairat kematian, sumbangan mengerjakan umrah/haji, sumbangan hari raya dan lain-lain sumbangan yang diperlukan oleh anggota.

Selain prihatin kepada anggota-anggotanya, koperasi juga prihatin terhadap masyarakat di sekitarnya yang sentiasa memerlukan bantuan dari segi sumbangan kewangan. Koperasi adalah merupakan antara pembayar zakat terbesar di Negeri Perak dengan sumbangan zakat berjumlah RM585,174.68 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) pada tahun 2023.

Sebagai sebuah koperasi yang melaksanakan aktiviti perladangan, KPK sentiasa cuba mencari kaedah terbaik bagi memastikan kelangsungan perniagaan koperasi. Selaras dengan perkembangan teknologi moden dalam pengurusan aktiviti perladangan, KPK sedang berusaha untuk mengadaptasi kaedah tersebut secara berperingkat.

Perjalanan dan kisah kejayaan koperasi ini bertitik tolak dari faktor dalaman. Setiap ALK dan anggota perlu memainkan peranan penting dalam memastikan koperasi sentiasa menyumbang ke arah kepesatan ekonomi. Perancangan yang teliti dan efisien perlu dibuat sebelum melaksanakan sesuatu perkara bagi memastikan tindakan yang diambil tidak menjejaskan prestasi koperasi.

Ar-Rahnu Pertama Milik Koperasi di Melaka

Oleh: **IKHWAN FIRDAUS BIN ROSLAN**
Pegawai Ehwal Ekonomi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Melaka

Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad ditubuhkan pada 27 Januari 1926 merupakan antara koperasi yang tertua di Negeri Melaka. Koperasi yang bakal berusia satu abad pada tahun 2026 mempunyai kekuatan anggota seramai 3,616 orang. Sejak dari awal penubuhannya, aktiviti kredit merupakan tunjang kepada ekonomi koperasi. Dengan prestasi perniagaan yang baik, koperasi mampu mempelbagaikan aktiviti demi meningkatkan pendapatannya selari dengan usia koperasi.

Kejayaan koperasi ini sangat bergantung kepada

anggota yang merupakan tulang belakang koperasi. Sokongan yang berterusan daripada anggota sentiasa dipulangkan semula oleh koperasi dalam bentuk hak dan kebajikan anggota. Koperasi ini diterajui oleh 12 orang Anggota Lembaga Koperasi telah dipimpin oleh Puan Hajah Marsitah binti Othman selaku Pengerusi Koperasi sejak tahun 2019. Beliau merupakan pengerusi wanita pertama yang menjadi pengerusi sejak koperasi ini didaftarkan. Pelbagai pembaharuan dan transformasi yang dibawa oleh beliau bersama barisan Anggota Lembaga Koperasi dalam memastikan koperasi kekal relevan di bumi



Taklimat oleh Pn. Hajah Marsitah, Pengerusi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad kepada YB EXCO Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal pengguna Negeri Melaka berkaitan aktiviti perniagaan Ar-Rahnu kelo



Di antara sebahagian warga kerja premis Ar-Rahnu koperasi bergambar bersama YB EXCO di akhir sesi lawatan.

Hang Tuah. Keberkesanan barisan kepimpinan ini telah terbukti apabila berjaya mewujudkan 1 cawangan Ar-Rahnu yang baharu di pekan Masjid Tanah, Alor Gajah Melaka sewaktu pandemik COVID-19. Kejayaan tersebut sekaligus meletakkan Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad sebagai koperasi pertama di negeri Melaka yang melaksanakan aktiviti tersebut.

Koperasi tekak dalam mengamalkan prinsip-prinsip koperasi di bawah kerjasama antara koperasi. Pemilikan perniagaan Ar Rahnu koperasi di Melaka mendapat banyak khidmat nasihat daripada Koperasi Orang Melayu Kerajaan Perak Berhad (SKOMK) di bawah Program Mentor Mentee SKM. Permulaan aktiviti ini banyak disokong oleh pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM) berjumlah RM5 juta dengan kadar faedah 1% di bawah produk Best100Fi-1 khas untuk koperasi yang tersenarai di dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Outlet Ar-Rahnu tersebut telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka pada 2 April 2022.



Aktiviti perniagaan lain koperasi adalah aktiviti Dobi Layan Diri yang beroperasi di bangunan milik koperasi beralamat di Tambak Paya, Ayer Molek Melaka. Pada tahun 2023, koperasi telah menerima Geran Bantuan Pembangunan SKM sebanyak RM100 ribu bagi pembelian mesin dobi. Dengan program geran bantuan ini, pihak koperasi mampu menjana pendapatan tambahan dan keuntungan tersebut akan diagihkan

kepada anggota dalam bentuk dividen atau tabung-tabung kebajikan yang lain. Semoga segala aktiviti ekonomi yang dilaksanakan oleh koperasi dapat memberikan manfaat kepada anggota. Dengan mempelbagaikan aktiviti perniagaan yang berdaya maju, mampu mengekalkan kedudukan dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia dan mencapai rencana DaKoM2030 untuk melonjakkan perolehan koperasi kepada RM73 bilion menjelang 2030.

CO-DIDIK Berani Ceburi Sektor Perhotelan



Oleh: **KHAIRUL HAIZA BIN ABDUL KHALID**
Pengurus CO-DIDIK

Komited dalam menawarkan pembiayaan peribadi patuh syariah adalah antara keistimewaan yang dinikmati anggota Koperasi Pendidikan Melayu Pahang (CO-DIDIK) Berhad. Koperasi yang ditubuhkan pada tahun 1949 ini pernah dikenali sebagai Sharikat Guru-guru Melayu Pahang Timor Bekerjasama Jimat Chermat dan Pinjaman dengan Tanggungan Berhad. Sehingga Januari 2024, koperasi mempunyai anggota seramai 4,763 orang. Kemudahan pembiayaan yang ditawarkan kepada anggota meliputi pembiayaan peribadi dan pembelian barangan konsumer untuk kegunaan domestik. Bagi membiayai aktiviti tersebut, Undang-Undang Kecil Koperasi membenarkan untuk mengutip caruman sebanyak

RM35 sebulan daripada setiap anggota. Caruman tersebut tidak hanya melayakkan anggota untuk mendapatkan pembiayaan daripada koperasi, malah anggota layak untuk memohon Tabung Kebajikan Am daripada koperasi mengikut kriteria yang telah termaktub di dalam aturan tabung tersebut.

Antara kejayaan CO-DIDIK adalah menduduki tempat pertama dalam senarai Koperasi Terbaik Negeri Pahang 2023 serta tersenarai di tempat ke-20 dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2023. CO-DIDIK juga cemerlang dan aktif dalam menyumbang semula keuntungan perniagaannya dalam bentuk zakat sehingga menerima Anugerah Koperasi Terbaik 2019 daripada Pusat Kutipan Zakat Pahang.

Bagi mencapai aspirasi



penubuhannya, CO-DIDIK mengorak langkah dengan mempelbagaikan aktiviti perniagaan dalam beberapa projek perniagaan seperti projek pembangunan stesen minyak, projek pembangunan restoran cepat saji, Ar-Rahnu, mengadakan kerjasama dengan EZ-Qurban dan memperkenalkan pembiayaan baharu iaitu Pembiayaan Tawarruq Setia.

CO-DIDIK kini meluaskan aktiviti perniagaannya dengan membangunkan sebuah hotel yang dinamakan sebagai CO-DIDIK Hotel. Hotel yang terletak di Indera Mahkota 14, Kuantan telah memulakan operasi secara rasminya pada 8 Februari 2024 dengan kakitangan seramai 7 orang. CO-DIDIK Hotel mempunyai 37 buah bilik dengan tawaran harga serendah RM65 semalam. Dilengkapi dengan 3 bilik mesyuarat dan 1 ruangan kafe, CO-DIDIK Hotel mampu memberikan keselesaan kepada para pengunjung yang menginap dan sesuai untuk diadakan aktiviti korporat.



Pandangan luar chalet Muafakat Piai *Tiny House* yang diusahakan Koperasi Muafakat Tg. Piai Berhad.



Tiny House Milik Koperasi Merancakkan Pelancongan di Tanjung Piai

Oleh: **ROSDI BIN ABU BAKAR**
Penolong Ehwal Ekonomi
SKM Cawangan Negeri Johor

Kerancakkan Aktiviti Pelancongan Gamit Pertumbuhan Ekonomi Setempat

Kedudukan Tanjung Piai yang terletak di penghujung selatan daratan Benua Asia merupakan salah sebuah lokasi yang menjadi tarikan pelancong domestik dan antarabangsa. Kebanjiran pelancong ke lokasi ini telah menjadi faktor permintaan yang tinggi terhadap aktiviti perkhidmatan inap desa. Bak kata pepatah, bagai cendawan tumbuh selepas hujan, industri perkhidmatan inap desa di Tg. Piai semakin berkembang pesat. Berdasarkan perkembangan tersebut, Koperasi Muafakat Tg. Piai Berhad tidak melepaskan peluang untuk menceburi aktiviti perniagaan dalam sektor pelancongan dengan menawarkan perkhidmatan inap desa berkonsepkan *Tiny House*.

Kelebihan *Tiny House* milik koperasi berbanding inap desa lain adalah harga penginapan yang ditawarkan sangat berpatutan iaitu RM120 semalam. Antara kelebihan lain adalah kedudukan lokasi *Tiny House* yang strategik kerana berdekatan dengan restoran-restoran tersohor di Tanjung Piai seperti Restoran Mee Tongkang, Restoran Kopi Tenggek dan Restoran Asam Pedas Jeti Nelayan yang pastinya memberi

nilai tambah kepada perusahaan koperasi serta kemudahan kepada pelancong. Selain itu, jarak di antara perusahaan koperasi dengan Taman Negara Tanjung Piai dan Taman Negara Pulau Kukup hanyalah sekitar 3 km dan 5 km.

CABARAN DAN PERANCANGAN

Bagi menghadapi cabaran persaingan yang semakin sengit, koperasi telah merangka strategi untuk menambah nilai perkhidmatan inap desa dengan membina dewan yang sesuai untuk sebarang tempahan majlis seperti majlis perkahwinan, sambutan hari lahir dan sebagainya. Sebagai tambahan, pihak koperasi sedang merancang untuk membeli sebuah bot. Pembelian tersebut bakal memberi kelebihan kepada koperasi untuk menawarkan pelbagai pakej yang menarik kepada pengunjung seperti aktiviti menyusuri Pantai Tanjung Piai sehingga ke Pantai Pulau Kukup.

Semoga perancangan ini dapat dilaksanakan dengan baik oleh koperasi agar ianya dapat meningkatkan prestasi pendapatan koperasi, malah mampu menyediakan peluang pekerjaan yang baharu kepada warga tempatan. Usaha koperasi dalam menyediakan kemudahan yang selesa dan berkualiti kepada para pelancong sekaligus dapat menyumbang kepada peningkatan dan pencapaian perolehan gerakan koperasi berjumlah RM73 bilion menjelang 2030 selaras dengan hasrat DaKoM2030.



Ruang dalaman chalet yang kemas lagi tersusun.



Kemudahan asas yang disediakan kepada pengguna chalet.



BAWAH: Koperasi Penternak dan Agro Selangor Berhad menyertai pameran produk dan perkhidmatan sempena PKKI'24 di Menara Berkembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

PKKI 2024 Mencapai Objektif Penganjurannya

Oleh: **ARIF ASYRAF BIN MOHAMMED KHALIM**
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Program Persidangan Koperasi Komuniti India 2024 (PKKI'24) telah berlangsung pada 13 Oktober 2024 di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat dan dihadiri seramai 800 orang koperator yang terdiri daripada pemimpin koperasi dalam kalangan koperasi komuniti India seluruh negara. Terdapat sebanyak 22 pempamer terlibat yang terdiri daripada agensi-agensi di bawah KUSKOP dan koperasi-koperasi. PKKI'24 ini merupakan program yang julung kali diadakan bagi mengiktiraf sumbangan koperasi komuniti India dalam memperkasa ekonomi masyarakat India di negara ini. Dalam masa yang sama, persidangan ini diadakan bertujuan untuk

meningkatkan pengetahuan para koperator komuniti India mengenai dasar-dasar Kerajaan yang terkini berkaitan koperasi dan mengenal pasti isu tata kelola dan amalan terbaik bagi meningkatkan pengurusan koperasi komuniti India.

Program yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi itu turut melibatkan penyampaian plak dan sijil penghargaan kepada 3 koperasi komuniti India yang tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2024. Dalam majlis yang sama, beliau turut sama menyampaikan cek cura pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM) kepada 3 koperasi dan Geran

Bantuan Pembangunan Koperasi SKM kepada 1 koperasi masing-masing berjumlah RM7 juta dan RM3 ribu.

Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan koperator-koperator komuniti India berkaitan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM2030), mengenal pasti isu-isu pengurusan koperasi komuniti India dan mengenalpasti platform amalan terbaik dan tadbir urus dalam pengurusan koperasi.

Pengisian program melibatkan dua sesi pembentangan daripada agensi dan koperasi. Pembentangan pertama bertemakan isu dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi komuniti India yang disampaikan oleh Tuan Haji Azam bin Sulaiman, Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar dan Pembangunan), SKM. Manakala pembentangan kedua pula disampaikan oleh wakil Koperasi NLFCS Berhad yang menceritakan kisah kejayaan koperasi sebagai sumber inspirasi kepada peserta yang hadir.

Program pada sesi petang diteruskan dengan sesi forum yang bertemakan Transformasi Ekonomi Koperasi Komuniti India: Prospek dan Wawasan yang dikendalikan oleh Encik Wan Ahmad Hilman bin Wan Adam, Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil), KUSKOP. Antara panel yang terlibat dalam sesi forum adalah Dato' Amran bin Haji Abdul Kadir (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia), Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus (Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Dr. Haji Mohd Azlan bin Yahya (Timbalan Presiden ANGKASA).



Persembahan tarian tradisional India sempena Majlis Perasmian PKKI'24.



YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi bersama koperasi komuniti India yang tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2024 dan semua penerima cek cura Pembiayaan TMP-SKM dan Geran Bantuan Pembangunan koperasi SKM.



Sesi forum yang bertemakan Transformasi Ekonomi Koperasi Komuniti India, Prospek dan Wawasan yang dikendalikan oleh Encik Wan Ahmad Hilman bin Wan Adam, Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil KUSKOP).



Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi 2024 Iktiraf Sumbangan Koperasi dalam Pembangunan Sosioekonomi Negara

Oleh: **ARIF ASYRAF BIN MOHAMMED KHALIM**
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Peluncuran Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2024 di Melaka

Sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan bagi tahun 2024 telah melabuhkan tirainya pada 4 September 2024. Penganjuran Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi 2024 (MAGK'24) di Melaka merupakan acara kemuncak bagi sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan yang bertujuan untuk mengiktiraf peranan koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan



YAB Datuk Seri Utama Ab. Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka melancarkan Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2024 sempena MAGK'24.

sosioekonomi negara. Program yang berlangsung selama 2 hari ini telah disertai seramai 600 orang koperator terdiri daripada kalangan 105 pemimpin koperasi dari seluruh pelosok tanah air.

Perasmian MAGK'24 yang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab. Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Beliau turut

melancarkan Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2024, Anugerah Koperasi Premier Tahun 2024 dan Anugerah Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2024.

Antara pengisian program sampingan sempena MAGK'24 adalah sesi taklimat yang disampaikan oleh wakil Kementerian Pembangunan

INFO PANTAS

ANUGERAH KOPERASI PREMIER TAHUN 2024

- No. 1 - Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad;
- No. 2 - Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad;
- No. 3 - Koperasi Co-op Bank Pertama Malaysia Berhad;
- No. 4 - Koperasi NLFCs Berhad; dan
- No. 5 - Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad.

ANUGERAH KOPERASI TERBAIK MALAYSIA TAHUN 2024

- No. 1 - Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad;
- No. 2 - Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad;
- No. 3 - Koperasi Kakitangan Petronas Berhad;
- No. 4 - Koperasi Tenaga Nasional Berhad; dan
- No. 5 - Koperasi Ladang Berhad.



Pemimpin-pemimpin Gerakan Koperasi Malaysia yang hadir MAGK'24.

Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan wakil koperasi premier. Taklimat yang disampaikan oleh SKM adalah bertujuan untuk memperkenalkan produk pembiayaan khas kepada koperasi-koperasi yang telah tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia iaitu produk Pembiayaan 100 Koperasi Terbaik (Best100Fi-1). Produk Best100Fi-1 menawarkan pembiayaan bermula dari RM500 ribu dengan kadar keuntungan yang dikenakan serendah 1% hingga RM30 juta pada kadar keuntungan maksima 4%. Selain itu, SKM turut menekankan perihai tanggungjawab statutori koperasi untuk

mencarum Kumpulan Wang Rizab Statutorinya ke dalam Akaun Deposit Koperasi melalui Co-op Bank Pertama.

Pelaksanaan program ini telah mencapai objektifnya iaitu untuk meningkatkan imej koperasi dengan peningkatan keyakinan pemegang taruh terhadap kekukuhan dan kestabilan kewangan koperasi melalui pengiktirafan koperasi serta peningkatan kerjasama dalam kalangan koperasi, pemain industri dan Kementerian atau agensi agar prestasi tadbir urus dan perniagaan koperasi dapat ditingkatkan mengikut arus perkembangan zaman.



Erni Zakri dan Syamel menyeroni MAGK'24 dengan menyampaikan tiga buah lagu termasuk satu lagu yang pernah dipopularkan oleh Datuk Ahmad Jais "Budi Setahun, Segunung Intan".



Persembahan solo oleh adik Adawiya Farikh bermain violin semasa MAGK'24 menghiburkan tetamu.



Ketua-ketua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Melaka dan Pesekutuan turut hadir memeriahkan MAGK'24.





KEMUKAKAN CADANGAN ANDA

Suara Anda, Inspirasi Kami

hantar!



Scan disini



#koperasikita

Podcast Suruhanjaya Koperasi Malaysia



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100